

Kreatif dan kritis menjana kekuatan minda



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

MB 08/02/2012 BY
PEMBANGUNAN modal insan memerlukan beberapa kemahiran asas dan perlu berdasarkan kepada keperluan semasa bagi membolehkan kualiti diri memberi kesan kepada perubahan yang lain.

Proses pengilmuan dan pendidikan menjadi asas penting untuk melancarkan kualiti insan dibangun dan kualiti kemanusiaan disuburkan. Aspek lain yang dianggap penting ialah kemahiran berfikir yang perlu ada supaya modal insan sentiasa mampu memberikan idea-idea baru dan strategik bagi menghadapi karenah zaman dan cabaran persekitaran.

Berfikir adalah suatu kegiatan dan kemahiran yang amat digalakkan oleh Islam dan berfikir menjadikan manusia tahu, dari tahu menghasilkan pengetahuan, dari pengetahuan datangnya maklumat dan dari maklumat terbinanya ilmu. Apa yang kita lihat, dengar, hidu dan rasa membawa kita berfikir kepada sesuatu. Darinya menjadikan kita kreatif dan kritis supaya fungsi pancaindera itu menjadikan kita peka kepada persekitaran, peka alam, peka diri dan peka kehidupan.

Apabila fikiran manusia berkembang ianya menyebabkan daya tafakur manusia berkembang sama. Oleh kerana wujud kepelbagaian dalam kejadian dan kehidupan, daya tafakur

menyebabkan manusia bersikap kreatif dan kreativiti manusia melakukakan reka dan gubahan menyebabkan fikirananya berkembang dan memberi manfaat kepada yang lain. Sekiranya fikiran manusia membeku tidak akan ada kemajuan dan perubahan. Lantaran itu ianya menyebabkan pemikiran menjadi beku dan kadang kala jumud. Jika kita membina tembok yang menghijabkan diri kita daripada ditegur, orang yang enggan mendengar pendapat serta pandangan orang lain akan mudah terjerumus kepada kebatilan. Anak yang tidak mendengar kata bukankah itu anak yang derhaka?

Jika sang bijak pandai yang tidak mahu mendengar pandangan, maka jadilah dia seorang yang angkuh. Justeru itu dalam kehidupan kemahiran mendengar adalah teramat penting. Komunikasi berkesan juga bermula dengan menjadi pendengar yang baik seperti kata Stephen Covey "seek to understand, then to be understood". Malah dalam memajukan pembangunan insan sikap takbur perlu dielakkan kerana dalam dunia moden ini kadang kala sesetengah manusia lebih suka memperlekehkan ilmu yang dimiliki oleh orang lain sebaliknya mula menonjolkan diri sendiri kerana perlunya persaingan dalam hidup namun harus diingati bahawa apabila kita berasa syok sendiri sebenarnya ia akan merosakkan diri sendiri.

Malah ada sesetengah ilmuan suka mengkritik dan mengancam ilmuan lain. Dia berasakan

pendapatnya sahaja yang benar dan pendapat orang lain salah. Keadaan tersebut amat berbeza dengan para ilmuan terdahulu yang saling berkongsi ilmu pengetahuan, saling bermusyawarah dan berbincang mengenai sesuatu ilmu yang dimiliki. Dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti ilmu yang dimiliki oleh masyarakat.

Dalam kehidupan juga akan wujud kehidupan dan gaya hidup yang lebih baik. Namun sebagai seorang yang insaf dan mengetahui kedudukan ilmu bukan dimiliki secara mutlak oleh manusia haruslah merendahkan diri dan tidak perlu menunjuk-nunjuk. Bak kata pepatah 'ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya dan juga resam padi makin tunduk makin berisi. Amat hebat pepatah orang terdahulu yang lebih berpengalaman dalam kehidupan. Justeru itu mengaku tidak tahu adalah lebih mulia daripada mendabik dada menjadi profesor serba tahu. Namun apabila diberikan tanggungjawab untuk melaksanakannya semuanya tidak menjadi. Jadi sebagai generasi abad ke-21 ini harus menggunakan intelektual yang tinggi dalam memastikan kemajuan sains dan teknologi berjalan seiring dengan pegangan hidup anda.

*** Penulis adalah Pegawai Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS**